



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI



# POLISI ANTIRASUAH

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI  
(KUSKOP)



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

A close-up photograph of a person's hands holding a thick stack of Malaysian 100 Ringgit banknotes. The banknotes are blue and white, with the number '100' and the word 'MALAYSIA' visible. The hands are wearing a dark, textured sleeve. The image is framed by a torn paper effect at the top and bottom.

# POLISI ANTIRASUAH

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI  
(KUSKOP)

## **Hak Cipta © Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi**

Hak Cipta Terpelihara.

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau digunakan dalam apa jua bentuk, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk salinan fizikal atau penghantaran melalui Internet atau Intranet tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu kecuali dinyatakan sebaliknya atau diperlukan bagi tujuan pelaksanaannya.

### **Reka Bentuk & Cetakan oleh:**

Percetakan Mesbah Sdn. Bhd.  
No.11, Jalan Tun Perak 6,  
Taman Tun Perak,  
43200 Cheras,  
Selangor Darul Ehsan.

# PERUTUSAN

## KETUA SETIAUSAHA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) berjaya membangunkan Polisi Antirasuah KUSKOP. Penerbitan polisi ini adalah sebagai tanda komitmen berterusan Kementerian dalam pembudayaan integriti, tadbir urus baik serta prinsip "*Bersama Membina Ekosistem Keusahawanan Tanpa Rasuah*".

Polisi Antirasuah KUSKOP ini dibangunkan sebagai panduan kepada seluruh warga Kementerian dan Agensi di bawahnya untuk memastikan setiap urusan pentadbiran, pengurusan dana, perolehan serta pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan Dan Koperasi dilaksanakan secara telus, berakauntabiliti dan bebas daripada sebarang salah laku serta perlakuan rasuah.

Saya menyeru semua warga KUSKOP dan Agensi untuk menghayati dan mematuhi polisi ini dengan penuh tanggungjawab. Integriti adalah asas kepada kepercayaan rakyat dan pemangkin utama dalam menjayakan visi Malaysia MADANI yang bebas daripada gejala rasuah.

Sekian, terima kasih.

DATO' SRI KHAIRUL DZAIMEE BIN DAUD  
18 November 2025





## **Pasukan Editorial**

### **Penasihat :**

Encik Mohammad Zawawi bin Hussin

### **Editor :**

Puan Lizawati binti Esmon

### **Penolong Editor :**

Puan Rohaizan binti Ismail

Puan Sanori Ariyati binti Ahmad

Encik Fozi bin Saad

Encik Mohd Johaizar bin Md Jalil



# KANDUNGAN

1.	Pendahuluan .....	4
2.	Pemakaian .....	4
3.	Tujuan .....	4
4.	Takrifan .....	4
5.	Pernyataan Polisi Antirasuah .....	5
6.	Kesalahan-Kesalahan Rasuah .....	6
7.	Undang-Undang Dan Peraturan Lain Yang Berkuatkuasa .....	9
8.	Peranan Dan Tindakan Warga KUSKOP .....	10
9.	Perlindungan Pemberi Maklumat Dan Maklumat .....	10
10.	Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam .....	11
11.	Pertanyaan Dan Pelaporan .....	11
12.	Penutup .....	11
13.	Aku Janji Polisi Antirasuah .....	12
14.	Rujukan .....	13
15.	Penghargaan .....	14



## 1. PENDAHULUAN

- 1.1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) komited untuk membentuk budaya kerja yang berintegriti, telus dan bebas rasuah dalam setiap aspek pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan. Dalam usaha memperkukuh tadbir urus yang baik serta memastikan keyakinan rakyat dan pihak berkepentingan terhadap Kementerian sentiasa terpelihara, satu Polisi Antirasuah dirangka sebagai panduan dan rujukan kepada semua warga kerja KUSKOP dan pihak yang berurusan dengannya.
- 1.2. Pembangunan Polisi ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk memerangi rasuah secara menyeluruh serta menyokong pelaksanaan *National Anti-Corruption Strategy (NACS) 2024–2028*. Ia juga mencerminkan iltizam Kementerian dalam menerapkan nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan ketelusan secara menyeluruh dalam pengurusan organisasi dan perkhidmatan awam.

## 2. PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai kepada semua warga KUSKOP dan Agensi tanpa pengecualian termasuk pegawai, kakitangan tetap, sementara, kontrak serta mana-mana pihak luar yang mempunyai hubungan rasmi dengan Kementerian. Kegagalan mematuhi Polisi ini boleh dikenakan tindakan tatatertib atau tindakan undang-undang yang berkuatkuasa.

## 3. TUJUAN

Menjadi garis panduan kepada semua warga kerja, Kementerian dan Agensi di bawahnya serta pihak berkepentingan dalam melaksanakan urusan dengan berintegriti. Polisi ini juga menjadi rujukan dalam melaksanakan kawalan integriti dan pencegahan rasuah.

## 4. TAKRIFAN

### Rasuah

Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

### Suapan

Suapan merujuk kepada tafsiran 'suapan' di bawah Seksyen 3, Akta 694 iaitu;

- a) wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau

- kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
- b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;
  - c) apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
  - d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
  - e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
  - f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
  - g) apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).

### **Warga KUSKOP**

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di KUSKOP dan Agensi sama ada melalui lantikan tetap, sementara, kontrak termasuk lantikan politik.

Warga KUSKOP juga termasuk Menteri dan Timbalan Menteri.

## **5. PERNYATAAN POLISI ANTIRASUAH**

KUSKOP memperkasakan prinsip ***“Bersama Membina Ekosistem Keusahawanan Tanpa Rasuah”*** sejajar dengan fungsi sebagai peneraju pembangunan usahawan dan koperasi di Malaysia. Bagi merealisasikan sasaran tersebut, KUSKOP memberikan penekanan kepada empat (4) terma rujukan berikut:

### **Dasar, Perundangan dan Peraturan**

- i. Memahami dan mematuhi undang-undang, peraturan dan lain-lain arahan berkaitan antirasuah yang berkuatkuasa.
- ii. Menerapkan elemen antirasuah dalam penggubalan dasar bagi meningkatkan kawalan dalaman terhadap kelemahan governans dan pelanggaran integriti.



### **Sistem dan Prosedur Kerja**

Mengenal pasti, mengkaji kelemahan dan menambahbaik sistem dan prosedur kerja yang boleh membuka ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

### **Pengukuhan Governans dan Integriti**

Menyemai, mendidik dan membudayakan integriti serta memperkukuhkan governans dalam penyampaian perkhidmatan yang terbaik.

### **Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan**

- i. Memperkasa dan menyebarluaskan mekanisme pelaporan perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.
- ii. Memastikan pematuhan kepada peraturan, mengambil tindakan punitif terhadap pelanggaran tatakelakuan dan melaksanakan usaha pemulihan.

## **6. KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH**

Kesalahan-kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta A1567) (Pindaan 2018) dan Kanun Keseksaan (Akta 574) adalah seperti berikut:

### **6.1. Kesalahan menerima suapan di bawah Seksyen 16 Akta 694**

- 6.1.1. Mana-mana orang secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi; atau
- 6.1.2. Mana-mana orang secara rasuah memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi.

### **6.2. Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen di bawah Seksyen 17 Akta 694**

- 6.2.1. Mana-mana orang sebagai seorang ejen secara rasuah menyetujui terima atau memperoleh daripada mana-mana orang untuk dirinya atau orang lain, apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan

dengan hal ehwal prinsipalnya; atau

- 6.2.2. Mana-mana orang sebagai seorang ejen memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.
- 6.3. Kesalahan Liabiliti Korporat di bawah Seksyen 17A Akta A1567 (Pindaan 2018)
  - 6.3.1. Suatu organisasi komersial melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu secara rasuah memberikan, bersetuju untuk memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang apa-apa suapan sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain dengan niat:
    - 6.3.1.1. untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu; atau
    - 6.3.1.2. untuk memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.
- 6.4. Kesalahan membuat tuntutan palsu di bawah Seksyen 18 Akta 694
  - 6.4.1. Mana-mana orang yang memberi seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen menggunakan, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang prinsipalnya mempunyai kepentingan, dan dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap tentang apa-apa butir matan, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.
- 6.5. Kesalahan menyogok pegawai badan awam di bawah Seksyen 21 Akta 694
  - 6.5.1. Mana-mana orang yang menawarkan kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, meminta atau menerima, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan hal ehwal badan awam itu.
- 6.6. Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan di bawah Seksyen 23 Akta 694



- 6.6.1. Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.
- 6.7. Hukuman di bawah Seksyen 24 Akta 694
- 6.7.1. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16, 17, 21 dan 23 Akta 694, apabila disabitkan boleh:
- 6.7.1.1. dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
  - 6.7.1.2. didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
- 6.7.2. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan Liabiliti Korporat di bawah Seksyen 17A Akta A1567 (Pindaan 2018) apabila disabitkan boleh:
- 6.7.2.1. didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda nilai suapan atau RM1 juta, mengikut mana yang lebih tinggi; atau
  - 6.7.2.2. dipenjara sehingga dua puluh tahun, atau kedua-duanya.
- 6.7.3. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 18 Akta 694, apabila disabitkan boleh:
- 6.7.3.1. dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
  - 6.7.3.2. didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu, atau silap itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
- 6.8. Kewajipan melaporkan transaksi penyogokan di bawah Seksyen 25 Akta 694
- 6.8.1. Mana-mana orang yang diberi, dijanjikan, atau ditawarkan suapan hendaklah melaporkan pemberian, janji atau tawaran itu, berserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberi, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai SPRM.
- 6.8.2. Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:
- 6.8.2.1. didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; atau
  - 6.8.2.2. dipenjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

- 6.8.3. Mana-mana orang yang daripadanya suapan telah diminta atau diperoleh atau suatu cubaan dibuat untuk memperoleh suapan itu, hendaklah melaporkan permintaan atau perolehan, atau cubaan untuk memperoleh suapan itu berserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan, jika diketahui, nama orang yang meminta, atau memperoleh, atau cuba memperoleh, suapan daripadanya kepada pegawai SPRM.
- 6.8.4. Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:
  - 6.8.4.1. didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; atau
  - 6.8.4.2. dipenjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
- 6.9. Kesalahan menerima barangan berharga dengan tiada balasan di bawah Seksyen 165 Akta 574
  - 6.9.1. Mana-mana orang yang pegawai mengetahui telah; atau sedang; atau mungkin berkaitan dengan apa-apa urusan rasmi yang telah dijalankan; atau yang akan dijalankan oleh pegawai itu; atau berkaitan dengan tugas rasmi pegawai atau dengan tugas rasmi mana-mana pegawai di bawah seliaan pegawai itu hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

## 7. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUATKUASA

- 7.1. Undang-undang dan peraturan lain berkaitan perlakuan rasuah adalah seperti berikut:
  - 7.1.1. Seksyen 3 Akta 694:
    - 7.1.1.1. Mana-mana kesalahan di bawah Akta 574 yang dinyatakan dalam Jadual - Perenggan 3 (a), tafsiran "kesalahan ditetapkan" di bawah Akta 694;
    - 7.1.1.2. Kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 137 Akta Kastam 1967 (Akta 235);
    - 7.1.1.3. Kesalahan di bawah Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);
    - 7.1.1.4. Sesuatu percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c); atau
    - 7.1.1.5. Sesuatu perubahatan atau komplot jenayah untuk melakukan (sebagaimana istilah yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan)

mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c), sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berbangkit daripadanya.

- 7.2. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605).
- 7.3. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993, [P.U.(A) 395/1993].
- 7.4. Ceraian UP.7.4.3 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Pengurusan Laporan Berhubung Dengan Tatakelakuan Pegawai Awam Yang Dirujuk Oleh Pihak Berkuasa Integriti.

## 8. PERANAN DAN TINDAKAN WARGA KUSKOP

- 8.1. Dalam usaha menutup ruang dan peluang rasuah, warga KUSKOP hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

### JANGAN MINTA

Warga KUSKOP dan Agensi **dilarang** meminta atau menerima apa-apa bentuk suapan.

### TOLAK

Warga KUSKOP dan Agensi **hendaklah** menolak apa-apa tawaran atau pemberian rasuah.

### LAPOR

Warga KUSKOP dan Agensi **hendaklah** dengan segera melaporkan apa-apa perlakuan rasuah kepada Ketua Jabatan, Unit Integriti KUSKOP ataupun SPRM.

Warga KUSKOP dan Agensi boleh melaporkan apa-apa perlakuan rasuah dengan mengemukakan sekurang-kurangnya maklumat asas (**5W+1H**) seperti berikut:

- i. Siapakah (**Who**) yang terlibat?
- ii. Bilakah (**When**) kejadian berlaku?
- iii. Di manakah (**Where**) kejadian berlaku?
- iv. Apakah (**What**) kesalahan yang berlaku?
- v. Kenapakah (**Why**) kesalahan berlaku?
- vi. Bagaimanakah (**How**) kesalahan berlaku?
- vii. Saksi atau dokumen berkaitan (sekiranya ada)

## 9. PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT DAN MAKLUMAT

Apa-apa aduan yang dibuat berbangkit daripada maklumat yang diterima oleh

seseorang Pegawai SPRM, maklumat dalam aduan itu dan identiti pemberi maklumat hendaklah menjadi rahsia antara Pegawai SPRM dengan pemberi maklumat, dan tidak boleh didedahkan atau diperintahkan, atau dikehendaki supaya didedahkan dalam mana-mana prosiding sivil, jenayah atau yang lain dalam mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain di bawah Seksyen 65 Akta 694.

#### 10. PENGIKTIRAFAN KEPADA PENJAWAT AWAM

Sijil penghargaan, pencalonan anugerah pingat di peringkat Persekutuan atau Negeri, atau ganjaran boleh diberikan kepada mana-mana penjawat awam yang melaporkan pemberian dan penerimaan rasuah berdasarkan Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara bertarikh 11 Mei 2011.

#### 11. PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi  
Blok E4/5, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62668 PUTRAJAYA  
(u.p: **Ketua Unit Integriti**)  
E-mel : [integriti@kuskop.gov.my](mailto:integriti@kuskop.gov.my)

#### 12. PENUTUP

Pematuhan terhadap Polisi Antirasuah ini berupaya merealisasikan sasaran ***"Bersama Membina Ekosistem Keusahawanan Tanpa Rasuah"*** seterusnya menjadi pemangkin kepada kecekapan dan ketelusan pengurusan berteraskan prinsip governans, integriti dan antirasuah. Secara tidak langsung, pematuhan kepada Polisi ini akan menjadikan KUSKOP antara agensi peneraju perkhidmatan awam dalam pelaksanaan inisiatif antirasuah.

**AKU JANJI POLISI ANTIRASUAH  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

1. Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami dengan sepenuhnya Polisi Antirasuah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.
2. Saya dengan ini berjanji mematuhi sepenuhnya Polisi Antirasuah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan sekiranya saya enggan atau gagal mematuhi Polisi ini, saya boleh dikenakan atau diambil tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.

Saya.....  
 No. K/P:..... Jawatan/Gred ..... yang  
 berkhidmat dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah  
 membaca dan memahami serta berjanji akan mematuhi Polisi Antirasuah Kementerian  
 Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

.....  
 (Tandatangan)

Tarikh:

Di hadapan saya,

.....  
 (Ketua Jabatan)

Cop Ketua Jabatan

Tarikh:

**RUJUKAN**

1. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
2. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta A1567) (Pindaan 2018)
3. Kanun Keseksaan (Akta 574)
4. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605)
5. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993, [P.U.(A) 395/1993]
6. Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 mengenai Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan
7. Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional 2024 - 2028
8. Ceraian UP.7.4.3 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Pengurusan Laporan Berhubung Dengan Tatakelakuan Pegawai Awam Yang Dirujuk Oleh Pihak Berkuasa Integriti
9. Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara – Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian Atau Penerimaan Rasuah No. Rujukan SPRM/BKP: 20/22/1.9 bertarikh 11 Mei 2011
10. Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2023 Siri 2 No.2 Tahun 2024

## PENGHARGAAN

Sekalung ucapan terima kasih dan tahniah dirakamkan kepada Jawatankuasa Pembangunan Polisi Antirasuah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi atas sumbangan idea dan cetusan minda seperti berikut:

### Nama-nama:

1. Encik Mohammad Zawawi bin Hussin  
Penolong Pesuruhjaya
2. Puan Lizawati binti Esmon  
Penguasa Kanan
3. Puan Rohaizan binti Ismail  
Pegawai Hal Ehwal Islam
4. Puan Sanori Ariyati binti Ahmad  
Penolong Pegawai Tadbir
5. Encik Fozi bin Saad  
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam
6. Encik Mohd Johaizar bin Md Jalil  
Pembantu Tadbir

Penghargaan juga dipanjangkan kepada semua Setiausaha Bahagian / Unit Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP) yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan Polisi ini.

*KUSKOP teguh membimbing usahawan,  
Nilai murni jadi arah tuju,  
Rasuah dijauh, amanah ditawan,  
Ekosistem bersih terus maju.*

# KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

## Unit Integriti

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi  
Aras 4 Blok E4/5, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62668 PUTRAJAYA



<https://www.kuskop.gov.my>



[integriti@kuskop.gov.my](mailto:integriti@kuskop.gov.my)